

SULIT



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama

SEKTOR PEMBELAJARAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH PETALING UTAMA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2021 (Percubaan)

BAHASA MELAYU (Naskhah Pentaksir)

1103/4

Kertas 4

Nov

30 minit

Tiga puluh minit

**NASKHAH PENTAKSIR INI UNTUK KEGUNAAN PENTAKSIR YANG
BERKENAAN SAHAJA**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 20 soalan.*
2. *Enam teks rakaman audio akan diperdengarkan kepada calon sebanyak dua kali.*
3. *Teks rakaman audio boleh dibuka dengan mengimbas kod QR yang berikut.*



https://drive.google.com/drive/folders/1L9Ur6VLT_bLxUg4538RH1xqth0GHHRO?usp=sharing

4. *Pentaksir diingatkan agar mengutamakan ketepatan jawapan murid dari segi makna dan fakta daripada kegramatisannya kerana kemahiran yang ditaksir ialah kemahiran mendengar.*

Naskhah pentaksir ini mengandungi 12 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah]

[30 markah]

Soalan 1 – 3 : Teks Iklan

Arahan kepada calon

- (i) *Anda diberi masa **satu minit** untuk membaca soalan.*
- (ii) *Seterusnya, dengar **petikan iklan** dengan telitinya.*
- (iii) *Setelah mendengar rakaman, anda diberi masa **30 saat** untuk menjawab soalan-soalan yang berikutnya sebelum membaca soalannya semula selama **satu minit sekali lagi**.*
- (iv) *Rakaman akan diperdengarkan sekali lagi.*
- (v) *Akhir sekali, anda dikehendaki menyemak jawapan dalam masa **30 saat**.*

Teks untuk Rujukan Pentaksir:

Minta Perhatian para graduan dan para belia ,

Karnival Kerjaya anjuran bersama Yayasan Anak Watan Malaysia dan Persatuan Mahasiswa Muda akan diadakan untuk menyantuni anda.

Karnival ini akan berlangsung pada 2 Mac 2022 iaitu hari Sabtu bertempat di Dewan Muhibah, Bangunan Teguh Niaga, Kuala Lumpur.

Anda berpeluang memperoleh pelbagai maklumat tentang kerjaya dengan mengunjungi reruai pameran daripada pelbagai Jabatan Kerajaan, Agensi Kerajaan, Universiti Awam, Universiti Swasta, Pusat Latihan Kemahiran Air dan Syarikat swasta.

Selain itu, karnival ini juga menawarkan peluang kerjaya kepada anda kerana pendaftaran pekerjaan, temu duga terbuka dan ujian bertulis akan diadakan.

Di samping itu, anda juga boleh mendapat khidmat bimbingan berkenaan dengan tatacara temu duga, taklimat industri dan kaunseling kerjaya dalam karnival ini.

Antara aktiviti menarik yang menanti anda termasuklah senamrobik, bual bicara Bersama panel undangan, dan pertandingan melukis komik adaptasi daripada cerpen. Bukan itu sahaja, sekiranya anda berminat dalam bidang penyiaran, sesi uji bakat bersama RTM, Bernama dan

Radio IKIM akan diadakan. Jangan lepaskan peluang keemasan ini.

Saudara dan saudari sekalian, dalam karnival Kerjaya ini nanti, anda juga boleh menjalani pemeriksaan kesihatan kendalian bersama kumpulan perubatan dari Hospital Kuala Lumpur di Kaunter Kesihatan yangh disediakan.

Sekiranya anda suka membeli-belah pula, lawatilah 30 buah gerai makanan, pakaian dan barang digital pelbagai jenama.

Akhir sekali, satu lagi perkhidmatan istimewa ialah anda boleh membuat semakan status permohonan dan pendaftaran pekerjaan secara dalam talian secara percuma.

Sudah pasti semua aktiviti yang ditawarkan ini akan menarik minat anda ke karnival ini.

Marilah kita sama-sama memeriahkan karnival ini. Jangan lupa akan janji temu kita, dari pukul 9 pagi hingga 5 petang, 2 Mac 2022. Terima kasih!

- 1 Nyatakan salah satu pengajur Karnival Kerjaya seperti yang dinyatakan dalam iklan ini.

[2 markah]

[Yayasan Anak Watan Malaysia...2](#)

[Persatuan Mahasiswa Muda...2](#)

Bulatkan jawapan yang betul untuk Soalan 2.

- 2 Pilih pernyataan yang **benar**.

[1 markah]

A Bual bicara bersama panel undangan daripada RTM, Bernama dan Radio IKIM boleh diikuti oleh pengunjung Karnival Kerjaya

B [Kaunter Kesihatan disediakan untuk membolehkan pengunjung karnival menjalani pemeriksaan kesihatan kendalian Hospital Kuala Lumpur](#)

C Pertandingan menulis cerpen adaptasi daripada komik akan diadakan

D Ada 30 reruui pameran daripada Universiti Awam dan Universiti Swasta dalam Karnival Kerjaya ini

3 Nyatakan bimbingan yang ditawarkan kepada pengunjung dalam Karnival Kerjaya ini.

[2 markah]

(i) Tatacara temu duga

(ii) **taklimat industri**

(iii) **kaunseling kerjaya**

Soalan 4 – 7 : Teks Cerpen – Jaket Kulit Kijang dari Istanbul

Arahan

- (i) *Anda diberi masa **satu minit** untuk membaca soalan.*
- (ii) *Seterusnya, dengar **petikan cerpen** dengan telitinya.*
- (iii) *Setelah mendengar rakaman, anda diberi masa **30 saat** untuk menjawab soalan-soalan yang berikutnya sebelum membaca soalannya semula selama satu minit sekali lagi.*
- (iv) *Rakaman akan diperdengarkan sekali lagi.*
- (v) *Ahir sekali, anda dikehendaki menyemak jawapan dalam masa **30 saat**.*

Teks untuk Rujukan Pentaksir

Aku tidak nampak praktikalnya jaket itu untuk kegunaan harian di Malaysia. Memakainya pasti akan membuat diri berasa panas dalam cuaca terik di tanah air. Jika keluar negara, jaket itu cuma sesuai dipakai pada musim sejuk.

Menjaganya pasti memerlukan kerapian. Tidak boleh dibasuh. Tidak boleh dilipat sembarangan. Walaupun harganya mahal, jaket kulit bukannya sesuatu yang tahan lasak. Kainnya mudah carik dan jika koyak, tidak dapat dijahit dengan benang.

Lebih penting lagi, seekor atau lebih daripada seekor kijang telah dibunuh untuk mendapatkan sehelai jaket kulit. Sebab itu, tidak ada jaket kulit yang murah. Harganya mahal disebabkan ada nyawa yang terpaksa dikorbankan! Aku merasakan bahawa jaket kulit sebenarnya lambang kemegahan dan kemewahan. Jaket kulit itu seperti lambang pendewaan dan pemujaan diri.

Tiba-tiba aku teringat akan makam Mevlana Celaleddin Ar-Rumi yang berasal dari Rom dan dikebumikan di Konya. Mevlana telah menulis lebih daripada 25 000 buah puisi sufi. Sepanjang hayat, penyair hebat itu menyebarkan tauhid kepada penduduk Konya sehingga Islam tersebar. Tarian Darwis dengan para penari bertarbus tinggi dan berjubah putih berpusing seperti putaran gasing melambangkan penghargaan terhadap jasa Mevlana.

- 4 Mengapa *aku* tidak nampak praktikalnya jaket itu untuk kegunaan harian di Malaysia?

[2 markah]

Memakainya pasti akan membuat diri berasa panas dalam cuaca terik di tanah air ...2;

Cuaca di Malaysia terik...2

- 5 Nyatakan satu lagi kekurangan jaket kulit.

[1 markah]

Menjaganya pasti memerlukan kerapian

Tidak boleh dibasuh

Tidak boleh dilipat sembarangan

Bukannya sesuatu yang tahan lasak

Kainnya mudah carik dan jika koyak, tidak dapat dijahit dengan benang

- 6 Mengapa harga jaket kulit mahal ?

[1 markah]

ada nyawa yang terpaksa dikorbankan (banyak kijang yang terpaksa dikorbankan)

Bulatkan jawapan yang betul bagi **soalan 7**.

- 7 Yang berikut merupakan pernyataan yang benar tentang Mevlana Celaleddin Ar-Rumi,
kecuali [1 markah]
- A beliau berasal dari Rom.
B beliau dikebumikan di Konya.
C beliau telah menulis lebih daripada 26 000 puisi Sufi. (25 000)
D sepanjang hayat, beliau menyebarkan tauhid kepada penduduk Konya sehingga Islam
tersebar.

Soalan 8 – 11 : Petikan Berita

Arahan

- (i) *Anda diberi masa **satu minit** untuk membaca soalan.*
- (ii) *Seterusnya, dengar **petikan berita** dengan teliti.*
- (iii) *Setelah mendengar rakaman, anda diberi masa **30 saat** untuk menjawab soalan-soalan yang berikutnya sebelum membaca soalannya semula selama satu minit sekali lagi.*
- (iv) *Rakaman akan diperdengarkan sekali lagi.*
- (v) *Akhir sekali, anda dikehendaki menyemak jawapan dalam masa **30 saat**.*

Teks untuk Rujukan Pentaksir

KUALA LUMPUR - Malaysia disasarkan menjadi negara peneraju teknologi 5G dalam tempoh tiga tahun akan datang menerusi pelaksanaan teknologi 5G oleh syarikat tujuan khas (SPV), Digital Nasional Berhad (DNB).

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa berkata, dengan adanya DNB, kerajaan berharap dapat mempercepat peluasan kadar capaian rakyat terhadap rangkaian 5G di seluruh negara.

"Jika dibandingkan dengan negara-negara jiran, kita agak perlahan dari segi perkembangan teknologi 5G ini, jadi dengan adanya DNB, kita dapat mempercepat perluasan 5G ini."

"Perkara ini merupakan satu agenda nasional yang sangat penting kerana teknologi 5G ini ini akan menjadi pemangkin pembangunan aktiviti ekonomi seluruh negara.

"Pelaksanaan teknologi 5G penting kepada kerajaan kerana sebahagian daripada perancangan Rancangan Malaysia Ke-12 bergantung pada keupayaan kerajaan menyediakan 5G," katanya.

Tan Sri Annuar Musa memberitahukan bahawa DNB merupakan syarikat milik penuh kerajaan yang akan membangunkan semua infrastruktur pelaksanaan 5G dengan kerjasama syarikat-syarikat telekomunikasi sedia ada di negara ini untuk menjimatkan kos.

Bulatkan jawapan yang betul bagi soalan 8.

- 8 Malaysia disasarkan menjadi antara negara peneraju teknologi 5G dalam tempoh berapa tahun yang akan datang? [1 markah]

A 5 tahun B 4 tahun **O 3 tahun** D 2 tahun


- 9 Nyatakan nama penuh syarikat tujuan khas DNB. [1 markah]

Digital Nasional Berhad

- 10 Nyatakan **satu** kepentingan pelaksanaan teknologi 5G di negara ini. [2 markah]

- teknologi 5G ini ini akan menjadi pemangkin pembangunan aktiviti ekonomi seluruh negara...2
- sebahagian daripada perancangan Rancangan Malaysia Ke-12 bergantung pada keupayaan kerajaan menyediakan 5G...2

- 11 Lengkapkan rajah yang di bawah. [1 markah]



Soalan 12 – 14 : Petikan Syarahan*Arahan*

- (i) *Anda diberi masa **satu minit** untuk membaca soalan.*
- (ii) *Seterusnya, dengar **petikan syarahan** dengan telitinya.*
- (iii) *Setelah mendengar rakaman, anda diberi masa **30 saat** untuk menjawab soalan-soalan yang berikutnya sebelum membaca soalannya semula selama **satu minit sekali lagi**.*
- (iv) *Rakaman akan diperdengarkan sekali lagi.*
- (v) *Akhir sekali, anda dikehendaki menyemak jawapan dalam masa **30 saat**.*

Teks untuk Rujukan Pentaksir

Selamat pagi Tuan Pengurus Majlis, guru-guru, para ibu bapa dan murid-murid yang dikasihi sekalian. Tajuk syarahan saya pada hari ini ialah “Cara Memupuk Amalan Menjaga Kebersihan”. Saya berharap agar semua murid memperoleh manfaat daripada syarahan yang disampaikan ini.

Hadirin sekalian,

Kebersihan merupakan satu ibadah dan kita bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan. Dalam hal ini, keluarga dapat memupuk amalan kebersihan kepada anak-anak sejak kecil lagi dengan mengadakan gotong-royong membersihkan rumah. Ibu bapa juga boleh menerapkan amalan menjaga kebersihan kepada anak-anak seperti tidak membuang sampah di merata-rata tempat dan memastikan pakaian dan kasut tidak bersepehan.

Selain itu, masyarakat hendaklah mengamalkan kebersihan dengan menjaga kebersihan tempat tinggal dan tempat-tempat awam. Oleh itu, masyarakat dilarang merokok atau membakar sampah secara terbuka kerana perbuatan ini boleh mencemarkan udara dan mengotorkan tempat awam. Orang awam perlu menegur sikap negatif yang dilihat dalam masyarakat dan tidak bersikap seperti enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing.

Hadirin sekalian,

Amalan kebersihan boleh dipupuk oleh pihak kerajaan dengan melaksanakan kempen amalan kebersihan melalui stesen televisyen dan radio. Sehubungan dengan itu, pihak kerajaan boleh memberikan nasihat dan amaran kepada kilang-kilang agar menjaga kebersihan alam sekitar. Seterusnya, tindakan undang-undang perlu dikenakan kepada mana-mana pihak mahupun individu yang telah mengotorkan udara sehingga menyebabkan alam sekitar tercemar.

Bulatkan jawapan yang betul untuk Soalan 12.

- 12 Rangkai kata “Hadirin sekalian” dalam petikan syarahan ini merujuk pendengar yang berikut **kecuali** [1 markah]
- A Guru-guru B Murid-murid **C Pihak kerajaan** D Ibu bapa

- 13 Nyatakan peribahasa yang terdapat dalam petikan syarahan tersebut. [2 markah]

seperti enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing...2

- 14 Selain melaksanakan kempen amalan kebersihan, apakah peranan kerajaan untuk memupuk amalan kebersihan dalam kalangan masyarakat? [2 markah]

- **Pihak kerajaan boleh memberikan nasihat dan amaran kepada kilang-kilang agar menjaga kebersihan alam sekitar...2**
- **tindakan undang-undang perlu dikenakan oleh kerajaan kepada mana-mana pihak mahupun individu yang telah mengotorkan udara sehingga menyebabkan alam sekitar tercemar...2**

Soalan 15 – 17 : Petikan Rencana

Arahan

- (i) *Anda diberi masa **satu minit** untuk membaca soalan.*
- (ii) *Seterusnya, dengar **petikan rencana** dengan telitinya.*
- (iii) *Setelah mendengar rakaman, anda diberi masa **30 saat** untuk menjawab soalan-soalan yang berikutnya sebelum membaca soalannya semula selama satu minit sekali lagi.*
- (iv) *Rakaman akan diperdengarkan sekali lagi.*
- (v) *Akhir sekali, anda dikehendaki menyemak jawapan dalam masa **30 saat**.*

Teks untuk Rujukan Pentaksir

P. Ramlee atau nama sebenarnya Teuku Zakaria bin Teuku Nyak Puteh dilahirkan di Pulau Pinang pada pagi Hari Raya Aidilfitri bersamaan pada hari Rabu, 22 Mac 1929. Bapanya seorang ahli pelayaran yang berasal dari Aceh dan telah berkahwin dengan Che Mah binti Husin pada tahun 1925 di Kubang Buaya Butterworth. P. Ramlee telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Kampung Jawa dan seterusnya di *Penang Free School* sehingga meletusnya Perang Dunia Kedua. Semenjak bangku sekolah lagi, P. Ramlee telah menunjukkan minat dan bakat dalam bidang seni terutamanya dalam seni muzik. Di *Penang Free School*, P. Ramlee mempelajari muzik dengan Encik Kamaruddin, iaitu pemimpin pancaragam di sekolah tersebut.

Sepanjang hayatnya, beliau telah berlakon dalam 66 filem, 35 daripadanya ialah arahannya, mengarang 250 lagu dan menyanyikan hampir 30 daripadanya. Antara filem terkenal P. Ramlee sebagai pelakon ialah *Chinta* (1948), *Abu Hassan Penchuri* (1955), *Anak-ku Sazali* (1956), *Antara Dua Darjat* (1960) dan *Masam-Masam Manis* (1965). Sebagai pengarah, antara filem arahan beliau ialah *Penarek Becha* (1955), *Panca Delima* (1957), siri filem *Bujang Lapok* (1957–1961), *Tiga Abdul* (1964) dan *Jangan Tinggal Daku* (1971). *Laksamana Do Re Mi* (1972) menandakan penampilan layar lebar terakhirnya dalam hayatnya. Kemudian dalam kerjayanya, P. Ramlee berlakon dalam drama *Intan* (1970) dan *Rantau Selamat* (1972). Sebagai penyanyi, antara lagunya yang terkenal ialah "Azizah", "Getaran Jiwa", "Aci Aci Buka Pintu", "Di Mana Kan Kucari Ganti", "Jeritan Batinku" dan "Air Mata di Kuala Lumpur" yang merupakan lagu terakhir yang dirakamkannya sebelum kematiannya.

- 15** Di manakah dan bilakah P. Ramlee dilahirkan?

[2 markah]

di Pulau Pinang (1) pada 22 Mac 1929(1)

Bulatkan jawapan yang betul untuk Soalan 16.

- 16** Yang berikut benar tentang Encik Kamaruddin, kecuali

[1 markah]

A berkhidmat di *Penang Free School*

B pemimpin pancaragam sekolah

C guru di Sekolah Melayu Kampung Jawa

D P. Ramlee mempelajari muzik daripada beliau

- 17** Lengkapkan rajah di bawah:

[2 markah]

Peranan P. Ramlee		
Sebagai <u>penyanyi</u>	Sebagai <u>pengarah</u>	Sebagai <u>pelakon</u>
<i>Getaran Jiwa</i>	<i>Jangan Tinggal Daku (1971)</i>	<i>Anakku Sazali (1956)</i>

Ketiga-tiganya betul ...2

Mana-mana dua betul ...2

Satu sahaja betul...1

Soalan 18 – 20 : Petikan Dialog

Arahan

- (i) *Anda diberi masa **satu minit** untuk membaca soalan.*
- (ii) *Seterusnya, dengar **petikan dialog** dengan teliti.*
- (iii) *Setelah mendengar rakaman, anda diberi masa **30 saat** untuk menjawab soalan-soalan yang berikutnya sebelum membaca soalannya semula selama satu minit sekali lagi.*
- (iv) *Rakaman akan diperdengarkan sekali lagi.*
- (v) *Akhir sekali, anda dikehendaki menyemak jawapan dalam masa **30 saat**.*

Alif : Selamat sejahtera En. Kamal. Saya ingin menemu ramah encik berkaitan dengan anak-anak encik iaitu Hassan dan Hasyim.

En. Kamal : Boleh, boleh saudara Alif. Selamat sejahtera, silakan.

Alif : Encik, sebenarnya bagaimakah encik mengasuh kedua-dua orang anak kembar encik, Hassan dan Hasyim hingga berjaya menjadi doktor?

En. Kamal : Oh ! Saya pun tidak tahu bagaimana hendak menceritakannya. Hanya saya anggap bahawa Tuhan merestui kami sekeluarga.

Alif : Bolehkah saya tahu bagaimana anak-anak encik ini belajar ?

En. Kamal : Mmm, dalam hal belajar, mereka memang sungguh berusaha. Hampir sepanjang waktu mereka asyik dengan buku sahaja. Kalau menonton televisyen itu jarang sekali. Kerap kali kalau menonton pun mereka menonton siaran berita sahaja.

Alif : Di mana mereka bersekolah ?

En. Kamal : Kedua-dua mereka bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Methodist ACS, Ipoh. Kemudian, mereka mendapat pangkat satu pada peringkat Sijil Pelajaran

Malaysia. Semasa itulah mereka mendapat tawaran dan meneruskan pelajaran di Universiti Malaya. Selepas tamat pengajian, mereka telah menjadi doktor.

- Alif : Wah, nampaknya memang benarlah kata-kata orang, padi setangkai bernes semuanya. Apakah perasaan encik sekarang ?
- En. Kamal : Saya amat gembira dengan kejayaan anak-anak. Kami sekeluarga bersyukur atas kejayaan gemilang itu .
- Alif : Baiklah encik, saya berterima kasih kerana sudi melapangkan masa untuk ditemu bual.
- En. Kamal : Terima kasih kembali.

Bulatkan jawapan yang betul untuk Soalan 18.

- 18** Apakah reaksi jawapan yang diberikan oleh Encik Kamal apabila Alif bertanya tentang cara asuhan yang telah diberikan kepada Hassan dan Hasyim? [1 markah]

- A Mereka memang rajin sejak kecil lagi.
B Tuhan merestui mereka sekeluarga.
 C Mereka selalu mengulang kaji pelajaran.
 D Mereka kerap menonton siaran berita.

- 19** Bagaimanakah Hassan dan Hasyim belajar? [2 markah]

- (a) Mereka sungguh berusaha/ Hampir sepanjang waktu mereka asyik dengan buku sahaja**
(b) Mereka jarang menonton televisyen / Kalau menonton televisyen pun, mereka menonton siaran berita sahaja.

- 20** Apakah yang menyebabkan Alif menyatakan bahawa keadaan keluarga Encik Kamal boleh dikatakan *padi setangkai bernes semuanya?* [2 markah]

Kedua-dua orang anak Encik Kamal menjadi doktor...2

Semua anak Encik Kamal berjaya dalam kehidupan...2

(jawapan calon mesti menggambarkan Hassan dan Hasyim kedua-duanya berjaya)

NASKHAH PENTAKSIR TAMAT